

PM: Malaysia pentingkan keselamatan rakyatnya

UM - 5 AUG 1982

KUALA LUMPUR, 4 Ogos - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberitahu peguam-peguam asing yang menentang Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) bahawa yang penting bagi Malaysia ialah keselamatan rakyatnya dan bukan apa orang lain kata.

Oleh: KHALID MOHD.

"Jika untuk tujuan melindungi keselamatan rakyat hukuman mati perlu dijalankan, kami tetap akan melaksanakannya.

"Bukanlah kami seronok mengambil nyawa orang, tapi untuk keselamatan rakyat, kami sedia menjalankannya," tegas beliau.

Bercakap kepada para wartawan selepas dikunjungi oleh peguam-peguam asing itu, Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak mempunyai apa-apa yang hendak disembunyikan dan sesiapa yang berminat boleh datang melihat sendiri apa yang diragukannya.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, para peguam itu merasakan bahawa hukuman di bawah ISA adalah terlalu keras dan berat dan kerajaan patut menimbang untuk meminda atau menukarnya.

"Saya memberitahu mereka bahawa apa yang kerajaan ingin pastikan ialah

supaya hak asasi rakyat negara ini tidak diancam oleh orang-orang yang tidak kisah tentang keselamatan dan nyawa rakyat," katanya.

Para peguam itu juga diberitahu oleh Perdana Menteri supaya jangan melupakan mereka yang telah menjadi mangsa keganasan hingga tidak boleh hidup sebagai seorang manusia yang sempurna.

Katanya, adalah tidak patut bagi mereka hanya mengambil berat dengan orang-orang yang ditahan atau dihukum di bawah ISA sahaja.

Menurut Perdana Menteri, kini terdapat 365 orang yang kehilangan anggota, buta dan tidak boleh hidup sempurna akibat keganasan itu.

Beliau menegaskan, perbuatan-perbuatan ganas itu dilakukan oleh mereka yang mendapat sokongan

dari orang-orang yang ditahan atau dihukum di bawah ISA.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, para peguam itu memberitahunya bahawa tujuan mereka ke sini adalah untuk melawat tahanan-tahanan ISA dan mereka tidak ada rancangan untuk melawat mangsa-mangsa keganasan di negara ini.

Beliau menegaskan kepada peguam-peguam itu bahawa rakyat negara ini amat sedar tentang hukuman-hukuman yang berat di bawah ISA "dan sebahagian besar daripada mereka tidak akan melanggarnya."

Peguam-peguam itu juga diberitahu bahawa ISA adalah sentiasa di bawah kajian dan sehingga ini kerajaan tidak nampak sebarang sebab untuk memindanya su-

UM - 5 AUG 1982

akhirnya akan mengecam Malaysia setelah membuat nilai mereka sendiri. Beliau menegaskan, Malaysia tidak bimbang apa-apa dengan kedatangan peguam-peguam itu dan juga tidak khawatir apa yang hendak mereka kata kelak.

"Kami percaya bahawa sesiapa sahaja yang ingin melihat Malaysia hendaklah diberi peluang berbuat demikian, dan lagi pun tidak ada apa yang hendak kita sembunyikan," katanya.

Tetapi tambah beliau, para peguam itu memberitahunya bahawa tujuan mereka adalah hanya untuk mengetahui dari dekat apa yang sedang berlaku di negara ini.

Menurut Perdana Menteri, Amnesty International juga telah menulis surat kepadanya menyatakan hasrat untuk melawat Malaysia.

"Mereka boleh datang. Saya tidak ada sebarang halangan," katanya.

akhirnya akan mengecam Malaysia setelah membuat nilai mereka sendiri.

Beliau menegaskan, Malaysia tidak bimbang apa-apa dengan kedatangan peguam-peguam itu dan juga tidak khawatir apa yang hendak mereka kata kelak.

"Kami mempunyai tanggungjawab terhadap rakyat negara ini dan kami tidak boleh bertanggungjawab kepada orang-orang asing."

"Kami mempunyai soal keselamatan rakyat dan negara untuk difikirkan dan bukannya untuk merisaukan apa yang orang kata atau fikirkan tentang kami," tegasnya.

Beliau menambah kumpulan peguam itu akan menyediakan satu laporan untuk dikemukakan kepada satu persidangan di Geneva "kita tengoklah nanti apa yang akan mereka kata."

Biasanya kata Perdana Menteri, kumpulan-kumpulan seumpama itu